

Headline	KADA galak rakyat Kelantan tanam kopi		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	22 May 2019	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	B4	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	244 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 495
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,486



KADA galak rakyat Kelantan tanam kopi

TUMPAT: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mahu menggalakkan penduduk Kelantan menanam kopi sebagai usaha mengembangkan industri itu berikutan 'trend' di seluruh dunia yang meminati minuman berkenaan.

Pengerusinya, Senator Datuk Husam Musa berkata, bagi menjayakan galakan itu, pihaknya bercadang untuk berbincang dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi penyediaan biji benih kopi.

"KADA bersama Kelab Kopi Kelantan boleh menjayakan galakan ini, manakala MARDI pula boleh menyediakan benih dan anak pokok untuk diagihkan kepada rakyat Kelantan.

"Apabila kopi ini dihasilkan, ia boleh dibekalkan kepada pengilang untuk mendapatkan hasil kopi kampung yang ada jenama sendiri, sekaligus dapat memajukan pasaran tempatan dan antarabangsa," katanya pada Majlis Makan Colek dan Pelancaran Lojing Coffe di Wakaf Bharu di sini, Isnin malam.

Turut hadir, Timbalan Pengurus Pembangunan KADA Nik Roslan Idris dan Pemilik Lojing Coffee, Wan Izzuddin Wan Sulaiman.

Husam berkata, usaha itu akan bermula dari tanaman, pengilangan, pemrosesan, pemasaran dan outlet di mana Malaysia mengimport 1 bilion kopi setiap tahun.

"Kita menjangkakan, Kelantan dapat menghasilkan kopi bernilai RM10 juta hingga RM50 juta setahun. Jumlah itu sudah menyumbang kepada punca pendapatan rakyat dan mewujudkan rangkaian

nilai dalam industri kopi," katanya.

Beliau berkata, pada masa sekarang, pihaknya belum ada rancangan khusus dan berhasrat selepas Hari Raya Aidilfitri ini akan berbincang dengan pihak berkenaan termasuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan MARDI untuk bekalan anak benih.

"Menteri Pertanian akan datangesok (petang ini), kita akan bincang dengan beliau supaya tanaman kopi dapat disediakan dan menjadikan Kelantan sebagai negeri pertama bagi tanaman ini," katanya.

Menurut Husam, penanaman kopi sebenarnya sudahpun dijalankan secara kecil-kecilan di kampung-kampung, cuma usaha berkenaan tidak dikomersialkan atas pelbagai sebab.

"Dengan adanya outlet yang canggih dan pengilang kopi yang berjaya termasuk dua di bawah KADA, kita boleh majukan industri ini. Saya hanya cadang beri anak kopi kepada petani yang sudah ada dusun tanam di halaman rumah," katanya.

Tambah beliau, kalau mereka berminat mahu membesarkan usaha itu, barulah pihaknya berbincang secara berasingan, sama ada boleh jadikan kopi sebagai tanaman utama atau sampingan.

Pada peringkat awal, KADA akan beri galakan, buka mata dan minda mereka supaya tidak terlepas dalam industri kopi yang berkembang seluruh dunia.

"Kalaupun sekiranya MARDI boleh bekalkan anak benih secara percuma, KADA akan bagi percuma... untuk permulaan kita mahu ada galakan terlebih dahulu," katanya. -Bernama